

**BORANG PENDAFTARAN**  
**KURSUS DAN PEPERIKSAAN**  
**KEMAHIRAN MENGGRED BUAH SAWIT**

Nama: \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

E-mel: \_\_\_\_\_

Nama Syarikat: \_\_\_\_\_

Alamat Syarikat: \_\_\_\_\_

No. Lesen MPOB: \_\_\_\_\_

Tel: \_\_\_\_\_

Faks: \_\_\_\_\_

Tel. Bimbit: \_\_\_\_\_

Bumiputera  Bukan Bumiputera

Tandakan  pada kawasan yang diinginkan.

- Wilayah Sarawak : 17 – 19 Mac 2020  
 Wilayah Timur : 24 – 26 Mac 2020  
 Wilayah Selatan : 7 – 9 April 2020  
 Wilayah Utara : 14 – 16 April 2020  
 Wilayah Sabah : 9 – 11 Jun 2020  
 Wilayah Tengah : 23 – 25 Jun 2020

Nota Penting:

1. Sila sertakan salinan kad pengenalan.
2. Kiriman cek/bank draf berjumlah **RM750** atas nama **Lembaga Minyak Sawit Malaysia**.

*(Sila faks atau emel Borang Pendaftaran ke Ibu Pejabat MPOB,  
Faks: 03-8925 7549 E-mel: azmanyob@mpob.gov.my  
u/p: Norazman Mohd Yob)*

**PENDAFTARAN PESERTA**

Kursus dan Peperiksaan Kemahiran Menggred Buah Sawit akan dijalankan sebanyak 6 siri iaitu:

Wilayah Sarawak : 17 – 19 Mac 2020  
Wilayah Timur : 24 – 26 Mac 2020  
Wilayah Selatan : 7 – 9 April 2020  
Wilayah Utara : 14 – 16 April 2020  
Wilayah Sabah : 9 – 11 Jun 2020  
Wilayah Tengah : 23 – 25 Jun 2020

**PERTANYAAN**

Borang pendaftaran yang lengkap berserta salinan kad pengenalan dan pembayaran hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)  
6, Persiaran Institusi  
Bandar Baru Bangi  
43000 Kajang, Selangor  
(u/p: Unit Latihan dan Pengurusan Persidangan)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Norhaliza Kasmuri  
Tel: 03-8769 4570  
Faks: 03-8925 7549  
E-mel: [eija@mpob.gov.my](mailto:eija@mpob.gov.my)

atau

Norazman Mohd Yob  
Tel: 03-8769 4874  
Faks: 03-8925 7549  
E-mel: [azmanyob@mpob.gov.my](mailto:azmanyob@mpob.gov.my)

**NOTA PENTING**

Yuran pendaftaran tidak dikembalikan sekiranya peserta/pengganti gagal menghadiri kursus.

Penganjur berhak membuat perubahan tanpa sebarang notis.

# Kursus dan Peperiksaan Kemahiran Menggred Buah Sawit 2020



Anjuran

**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)**

[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)

dengan kerjasama

**INSTITUT PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA  
(IMPAC)**

## Pendahuluan

Malaysia adalah antara pengeluar minyak sawit terbesar di dunia. Pada 2019, negara kita mengeluarkan 18.52 juta tan minyak sawit mentah dan mengeksport sebanyak 27.88 juta tan keluaran sawit dengan jumlah nilai eksport yang dianggar sebanyak RM64.84 bilion. Kualiti dan kuantiti minyak sawit yang dihasilkan bergantung terus kepada kualiti buah sawit yang diproses. Bagi memastikan industri minyak sawit Malaysia terus maju, amalan penuaian, pengendalian, pengangkutan dan pemprosesan buah sawit yang terbaik perlu diamalkan. Ini bertujuan memaksimumkan pengeluaran dan kualiti minyak sawit.

Pada 2019, kadar perahan minyak sawit (OER) ialah 20.21%. Penggredan buah sawit memainkan peranan penting dalam mengawal selia kualiti buah sawit yang dituai oleh pengusaha ladang dan pekebun kecil. Penggredan buah sawit adalah salah satu aktiviti penting dalam jaminan kualiti (*quality assurance*) yang sedang diusahakan oleh industri sawit. Tahap kadar perahan minyak sawit pada 2017 dan 2018 yang melepasi paras 19.50%, menunjukkan bahawa kursus yang telah dijalankan memberi sedikit sebanyak kesedaran terhadap pentingnya kualiti buah sawit dalam meningkatkan kadar perahan minyak sawit.

Sebagai salah satu usaha MPOB untuk meningkatkan kadar OER, MPOB telah merancang beberapa siri Kursus dan Peperiksaan Kemahiran Menggred Buah Sawit.

## Objektif

- Untuk memberi pengetahuan kepada penggred buah sawit kaedah penggredan mengikut Manual Penggredan Buah Sawit MPOB Edisi Ketiga.
- Untuk menerapkan kemahiran keseluruhan aspek penggredan buah sawit meliputi aspek teknikal, komersial dan teori.
- Untuk meningkatkan pengetahuan penggred buah sawit tentang bagaimana amalan agronomi di ladang memberi kesan terhadap kualiti buah sawit yang dihasilkan.

- Untuk meningkatkan pengetahuan penggred buah sawit tentang bagaimana kualiti buah sawit memberi kesan terhadap tahap kecekapan pengilangan.
- Untuk melatih penggred buah sawit sebagai agen pengembangan kualiti buah sawit dan sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti buah sawit di pasaran.
- Untuk memberi pendedahan mengenai perundangan dan tindakan penguatkuasaan MPOB berkaitan amalan pengendalian, kualiti tandan dan penggredan buah sawit.

## Yuran dan Pendaftaran

Yuran pendaftaran adalah **RM750** (Ringgit Malaysia: Tujuh Ratus Lima Puluh). Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek/bank draf atas nama '**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**'. **Peserta dikehendaki membuat pembayaran yuran pendaftaran sebelum kursus.**

Jumlah peserta terhad kepada 60 peserta setiap sesi dan berasaskan 'siapa dahulu diterima dahulu' dengan keutamaan diberikan kepada pegawai kualiti atau penggred buah sawit di kilang dan peniaga yang mempunyai pusat pengumpulan buah sawit.

Yuran pendaftaran termasuk bahan kursus, makan tengah hari, minum pagi/petang semasa kursus. Tempat penginapan peserta kursus tidak disediakan dan menjadi tanggungan peserta sendiri.

Permohonan hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan. Tarikh tutup permohonan ialah dua minggu sebelum tarikh kursus berkenaan.

## Siapa Patut Hadir?

Kursus ini dirangka khusus untuk pembeli buah sawit (pengilang dan peniaga buah sawit) pengurus, penyelia dan penggred buah sawit. Kursus ini juga sesuai untuk pembekal buah sawit seperti pengurus ladang, penyelia ladang dan pekebun kecil sawit.

## Syarat Kursus

- Warganegara Malaysia.
- Boleh menulis dan membaca Bahasa Melayu.
- Sihat tubuh/badan.
- Umur 18 tahun ke atas.
- Memiliki Sijil Rendah Pelajaran/Penilaian Menengah Rendah/PT3 atau sekurang-kurangnya setaraf atau mempunyai pengalaman urus niaga buah sawit tidak kurang setahun.
- Tidak buta warna (permohonan ditolak jika gagal ujian buta warna).

## Kandungan Kursus

Syarah dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh pensyarah dan jurulatih dari MPOB yang berkelayakan dan pakar dalam tajuk berkaitan. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.

Tajuk kursus adalah seperti berikut:

- Penuaian buah sawit.
- Kesan mutu buah sawit terhadap kecekapan pengilangan.
- Penggredan buah sawit MPOB dan perundangan berkaitan dengannya.

Latihan amali penggredan buah sawit mengikut Manual MPOB (di kilang buah sawit).

- Pengenalan jenis-jenis tandan.
- Latihan amali (individu) jenis-jenis tandan.
- Demonstrasi menggred buah sawit.
- Latihan amali (berkumpulan) menggred konsignasi buah sawit, pembentangan hasil latihan dan perbincangan.

Kursus ini direka untuk memberi pendekatan dalam bentuk pendidikan dan latihan di mana peserta didedahkan dengan pengetahuan teori, amali dan ujian.

## Peperiksaan

Semua peserta diwajibkan untuk mengambil peperiksaan.